

## SOALAN LAZIM BERKAITAN SAY ASPIRE

### UMUM

1. Apakah itu SAY ASPIRE?
  - SAY ASPIRE adalah sebuah program cetusan idea DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor, bertujuan membantu usahawan di negeri Selangor untuk memajukan perniagaan mereka dan seterusnya membawa produk / perkhidmatan mereka ke pasaran luar negara.
2. Bagaimana program SAY ASPIRE dijalankan?
  - Program SAY ASPIRE akan berlangsung selama sekurang-kurangnya 6 bulan untuk memastikan produk / perkhidmatan di bawah program ini mampu menembusi pasaran luar negara.



3. Siapakah penganjur program SAY ASPIRE?
  - Kumpulan penganjur program SAY ASPIRE adalah:
    - i. Selangor Youth Community (SAY) sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di bawah pengurusan DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor.
    - ii. Yayasan Hijrah Selangor sebuah agensi berkaitan kerajaan yang memberi bantuan kewangan kepada usahawan-usahawan di negeri Selangor.
    - iii. Centre for Entrepreneur Development and Research (CEDAR) sebuah anak syarikat SME Bank dan bertanggungjawab menyediakan pengisian berkenaan kursus bimbingan perniagaan di bawah program SAY ASPIRE.

### PENDAFTARAN

4. Apakah kriteria peserta SAY ASPIRE?
  - Rakyat Malaysia berumur 18 hingga 40 tahun.
  - Perniagaan beroperasi di Selangor.
  - Mempunyai premis perniagaan sendiri.
  - Perniagaan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
  - Tiada rekod buruk pinjaman dengan mana-mana institusi kewangan atau pihak kerajaan.
  - Terlibat dengan perniagaan secara langsung.
  - Perniagaan mesti ditubuhkan sekurang-kurangnya 2 tahun semasa tarikh penyertaan.
5. Bagaimana peserta program SAY ASPIRE dipilih?
  - Peserta dipilih berdasarkan potensi produk / perkhidmatan mereka untuk dibawa ke pasaran luar negara.
  - Seramai 10 peserta akan dipilih oleh peringkat akhir dalam slot "Pitch Di Istana", manakala hanya 5 peserta sahaja akan dipilih untuk mengikuti program SAY ASPIRE sekurang-kurangnya selama 6 bulan.

6. Bagaimana potensi produk / perkhidmatan dinilai?
  - Potensi produk / perkhidmatan dinilai berdasarkan kebolehpasaran untuk ke luar negara, di samping keupayaan produk / perkhidmatan untuk ditambah baik melalui proses inovasi.
7. Bagaimana saya boleh mendaftar sebagai peserta SAY ASPIRE?
  - Sila layari [www.selangoryouth.com/say-aspire](http://www.selangoryouth.com/say-aspire) dan daftar di sana secara *online*.
8. Bilakah tarikh tutup pendaftaran SAY ASPIRE?
  - 10 Januari 2018.
9. Adakah saya perlu membayar sebarang yuran pendaftaran untuk SAY ASPIRE?
  - Tidak. Program ini disediakan percuma khas untuk usahawan berpotensi di negeri Selangor.
10. Apakah komitmen yang perlu saya beri sepanjang program SAY ASPIRE?
  - Anda perlu menghadiri kursus bimbingan perniagaan selama 6 bulan. Kursus ini diadakan 2 hari bagi setiap bulan.
  - Selepas habis kursus, anda diminta untuk menyiapkan pelan perniagaan anda untuk dibawa ke pasaran luar negara.

#### **“PITCH DI ISTANA”**

11. Bagaimana program “Pitch Di Istana” dijalankan?
  - Seramai 10 peserta akan disenarai pendek dan berpeluang membentangkan idea perniagaan mereka di hadapan DYTМ Tengku Amir Shah dan barisan hakim yang lain.
  - Sesi pembentangan (*pitching*) akan dilakukan selama 10 minit dan 5 minit sesi soal jawab.
  - Di akhir sesi, hanya 5 peserta akan dipilih oleh barisan hakim untuk mengikuti program SAY ASPIRE.
12. Bagaimana peserta program “Pitch Di Istana” dipilih?
  - Seramai 10 peserta akan dipilih berdasarkan idea perniagaan mereka yang mampu ditambah baik melalui proses inovasi dan mampu memberi saingan sengit di pasaran luar negara.
  - Di akhir sesi, hanya 5 peserta akan dipilih oleh barisan hakim untuk mengikuti program SAY ASPIRE.
13. Siapakah pengadil untuk program “Pitching Di Istana”?
  - Antara panel pengadil adalah DYTМ Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor.
14. Di manakah lokasi program “Pitching Di Istana”?
  - Di salah sebuah Istana Kerabat Diraja Negeri Selangor. Akan dimaklumkan kemudian kepada peserta yang terpilih.

### **KURSUS BIMBINGAN PERNIAGAAN**

15. Apakah itu kursus bimbingan perniagaan selama 6 bulan bersama SAY ASPIRE?
- Kursus ini mempunyai 4 tahap sebagai program pendedahan dan kebolehpayaan peserta untuk memajukan perniagaan mereka secara mampan.
  - Kursus akan dijalankan 2 hari sebulan sepanjang tempoh 6 bulan.
  - 5 peserta terpilih dikehendaki hadir ke setiap hari kursus. Sebarang ketidakhadiran, hendaklah dimaklumkan kepada pihak penganjur.
16. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kursus bimbingan perniagaan selama 6 bulan bersama SAY ASPIRE?
- Jika tiada alasan munasabah yang diterima pihak penganjur, anda akan dikenakan bayaran penalti sebanyak 70% daripada kos kursus yang ditanggung oleh pihak penganjur. Bayaran penalti tidak akan melebihi RM10,500.00.
17. Apakah yang akan terjadi selepas 6 bulan kursus bimbingan perniagaan SAY ASPIRE?
- Selepas tamat 6 bulan kursus bimbingan perniagaan SAY ASPIRE, para peserta dikehendaki menyediakan pelan perniagaan anda untuk menembusi pasaran luar negara dan bersaing secara mampan.

### **TEMBUSI PASARAN LUAR NEGARA**

18. Bagaimana saya boleh pasaran bisnes saya ke pasaran luar negara?
- Penganjur dan rakan-rakan strategik akan memberi bantuan kewangan dan memudahkan urusan birokrasi peserta dalam usaha memasarkan produk / perkhidmatan mereka ke pasaran luar negara.

### **BANTUAN KEWANGAN**

19. Apakah bentuk bantuan kewangan untuk peserta SAY ASPIRE?
- Peserta program SAY ASPIRE akan menerima bantuan kewangan daripada Yayasan Hijrah Selangor sehingga RM50,000.00 tertakluk kepada terma dan syarat.
  - Selain itu, peserta juga boleh mendapat sokongan untuk menerima geran usahawan daripada Kerajaan Negeri Selangor tertakluk kepada prestasi perniagaan anda.
20. Apakah bantuan-bantuan lain yang ditawarkan kepada peserta SAY ASPIRE?
- Peserta akan mendapat sokongan geran usahawan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan organisasi-organisasi yang telah dikenal pasti oleh pihak penganjur tertakluk kepada prestasi perniagaan anda.
21. Bolehkah saya mengambil bantuan dana selain daripada yang ditawarkan di SAY ASPIRE?
- Ya.

### **SYARAT-SYARAT LAIN**

22. Apakah syarat-syarat lain untuk mengikuti program SAY ASPIRE?
- Sila rujuk terma dan syarat penyertaan program SAY ASPIRE di [www.selangoryouth.com/say-aspire](http://www.selangoryouth.com/say-aspire).

**PERTANYAAN LANJUT**

23. Saya masih tidak mendapat jawapan yang dicari, dengan siapa boleh saya berhubung untuk maklumat lanjut?
- Anda boleh hubungi pegawai kami di [aspire@selangoryouth.com](mailto:aspire@selangoryouth.com) (03-55133500) atau kunjungi pejabat kami di Pejabat Yayasan Raja Muda Selangor, Aras G, Bangunan Darul Ehsan, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.